

Headline **Yang Dipertua Dewan Negara baru diumumkan 26 April**  
Date **13 Apr 2010**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Negara**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **4**  
Article Size **113 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **982**  
PRValue **2,947**



## Yang Dipertua Dewan Negara baru diumumkan 26 April

**KUALA LUMPUR** – Pelantikan Yang Dipertua Dewan Negara yang baru akan dibuat pada hari pertama sidang 26 April ini selepas khidmat Yang Dipertua Dewan, Datuk Ir. Wong Foon Meng (**gambar**) berakhir semalam.

Foon Meng berkata, pada sidang itu akan diumumkan secara rasmi nama penggantinya dan diikuti dengan majlis angkat sumpah jawatan.

“Tempoh khidmat saya sebagai Yang Dipertua berakhir hari ini dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan membawakan usul pada hari pertama sidang untuk membuat pelantikan baru,” katanya kepada pemberita selepas

melancarkan Pameran Kesedaran HIV/AIDS, di bangunan Parlimen di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara, Datuk Armani Mahiruddin; Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Ronald Kiandee dan Presiden Majlis AIDS Malaysia, Prof. Dr. Adeeba Kamarulzaman.

Dalam pada itu, Foon Meng berharap penggantinya, akan memastikan Dewan Negara memainkan peranan secara berkesan kepada Dewan Rakyat.

“Saya berpuas hati kerana pada masa sekarang kebanyakan senator telah membuat persediaan sebelum berbahas dengan fakta dan perangkaan yang mencukupi.

“Para senator juga banyak memberi cadangan yang bernas dan ada yang telah diambil perhatian oleh kerajaan dan situasi ini berbeza berbanding 10 atau 20 tahun dahulu,” katanya.

Bekas Setiausaha Agung MCA itu berkata, tumpuannya selepas ini adalah untuk melancarkan kerja-kerja kebajikan serta



membantu parti dan kerajaan dalam melaksanakan Pelan Transformasi Kerajaan.

Dalam perkembangan berkaitan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, individu yang akan menggantikan Foon Meng telah ada.

“Ada (nama), tunggulah dia angkat sumpah. Nanti kita tahu semua,” ujarnya.

Tambah beliau, individu yang akan dilantik itu tidak semestinya daripada kalangan Timbalan Yang Dipertua sekarang.